# MINGGU 04

# RUKUN HAJI:

## SA'IE, BERCUKUR/BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman*
*Kembaliku dengan kemabruran*

TABUNG HAJI
حي على الفلاح

Tabung Haji    www.tabunghaji.gov.my    +603-6207 1919

MINGGU **04**

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيكَ لَبَّيكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



HambaMu datang menyahut panggilanMu ya Allah.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Tuhan yang tiada sekutu bagiMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

# OBJEKTIF

01. Membantu jemaah dalam memahami pengertian, syarat-syarat sah Sa'ie serta amalan-amalan sunat ketika melaksanakan Sa'ie.

02. Membantu jemaah memahami maksud bercukur/bergunting dan bertahallul, waktu perlaksanaan dan juga tatacara bercukur atau bergunting serta tahallul.

03. Membantu jemaah dalam memahami maksud tertib pada kebanyakan rukun.

# KANDUNGAN

**01** Rukun 4: Sa'ie
- Pengertian Sa'ie
- Syarat sah Sa'ie
- Amalan sunat Sa'ie

**02** Rukun 5: Bercukur atau bergunting
- Pengertian, waktu dan tatacara
- Tahallul Awwal dan Tahallul Thani

**03** Rukun 6: Tertib pada kebanyakan rukun



# RUKUN HAJI 4: SA’IE

# RUKUN HAJI 4: SA’IE

**Sa’ie membawa maksud berjalan ulang-alik 7 kali di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah menurut syarat-syaratnya.**




**Hadith Nabi,**

اسعو فإن الله كتب عليكم السعي

**Bersaielah kamu, sesugguhnya Allah mewajibkan kamu bersai’e (Ibn Majah dan Ahmad)**

MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: SA'IE




## LALUAN KE TEMPAT SA'IE - BUKIT SAFA

# RUKUN HAJI 4: SA’IE




**BUKIT SAFA (TEMPAT PERMULAAN SA’IE)**

# RUKUN HAJI 4: SA'IE



**PERHATIAN!**
**Tingkat bawah tanah Safa melepasi tiang pertama yang berada di Bukit Safa.**

## BATU BUKIT SAFA (TEMPAT PERMULAAN SA'IE)

MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: SA'IE




## KAKI BUKIT SAFA MENUJU KE BUKIT MARWAH

# RUKUN HAJI 4: SA'IE





1. Lampu hijau (sunat bagi Jemaah Haji lelaki untuk berlari-lari anak).
2. Lampu hijau terdapat di laluan antara:
   - Bukit Safa ke bukit Marwah, dan
   - Bukit Marwah ke Bukit Safa.

MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: SA'IE



## DARI BUKIT SAFA MENUJU KE BUKIT MARWAH

MINGGU

04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: SA'IE



## DARI BUKIT MARWAH MENUJU KE BUKIT SAFA

MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: SA'IE



BUKIT MARWAH (TEMPAT BERAKHIR SA'IE)

# RUKUN HAJI 4: SA'IE




## KAKI BUKIT MARWAH MENUJU KE BUKIT SAFA

MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: SYARAT SAH SA'IE



01 Dilakukan selepas Tawaf sama ada selepas mengerjakan Tawaf Qudum untuk Haji (Ifrad/Qiran) dan Tawaf Ifadah/Tawaf Umrah.

02 Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.

03 Cukup 7 kali berulang alik dengan yakin. Dari Bukit Safa ke Bukit Marwah dikira satu kali. Dari Bukit Marwah ke Bukit Safa dikira satu kali.

04 Hendaklah sampai ke penghujung tempat Sa'ie di kaki Bukit Marwah dan di kaki Bukit Safa pada setiap pusingan.

05 Hendaklah melakukan Sa'ie di tempat yang telah ditetapkan.

06 Mengekalkan niat Sa'ie.

# RUKUN HAJI 4: KIRAAN SA’IE



# RUKUN HAJI 4: KIRAAN SA'IE



# RUKUN HAJI 4: SA'IE

- Kawasan tempat laluan untuk pengguna kerusi roda membuat pusingan dari kaki Bukit Safa ke kaki Bukit Marwah telah dikira satu kali (tidak perlu memanjat ke kawasan tinggi).
- Jemaah yang berhenti minum air zamzam ketika Sa'ie digalakkan agar mengundur sedikit dari tempat berhenti (minum air zamzam) sebelum menyambung kembali Sa'ie.
- Berhati-hati dengan kumpulan yang mengambil kesempatan mengunting rambut jemaah dan mengenakan bayaran yang tinggi.
- Tidak ada 'iktikaf/solat tahiyyat masjid di kawasan Sa'ie kerana ia bukan kawasan masjid. Wanita haid boleh berada dikawasan Sa'ie (antara Bukit Safa dan Bukit Marwah).
- Tidak ada ibadat Sa'ie sunat.
- Jemaah perlu memastikan tempat bermula dan berakhir Sa'ie di Bukit Safa dan Bukit Marwah jika Sa'ie dilakukan ditingkat bawah tanah (lowerground).

MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 4: AMALAN SUNAT SA'IE

1. Masuk ke tempat Sa'ie melalui pintu Safa (Bab Al-Safa)
2. Dilaksanakan sejurus selepas mengerjakan Tawaf (muwalat antara Sa'ie dan Tawaf)
3. Sa'ie dalam keadaan berwuduk
4. Menaiki Bukit Safa dan Bukit Marwah bagi lelaki sahaja
5. Menghadap ke arah Ka'bah sambil bertakbir (takbir 3 kali), bertahlil dan berdoa semasa berada di Bukit Safa dan Bukit Marwah
6. Muwalat (berturut-turut) antara pusingan Sa'ie
7. Melakukan ramal (berlari-lari anak) di kawasan yang bertanda lampu hijau (lelaki sahaja)
8. Beridtiba' bagi lelaki pada 7 kali pusingan saie
9. Berjalan kaki dengan perlahan-perlahan dan tenang
10. Mengelak kesesakan di tempat Sa'ie. Jika berlaku kesesakan di tempat Sa'ie, elakkan daripada menyakiti orang lain
11. Berdoa, berzikir dan membaca al-Quran berada di atas Bukit Safa dan Bukit Marwah
12. Suci daripada hadas kecil dan besar serta menutup aurat



# RUKUN HAJI KELIMA: BERCUKUR/BERGUNTING

MINGGU **04**

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING



**Bercukur atau bergunting bermaksud menanggalkan atau mengugurkan sekurang-kurangnya tiga (3) helai rambut di kepala dengan menurut syarat-syarat sahnya:**

- masuk waktu bercukur atau bergunting
- bercukur/bergunting rambut di kepala
- bercukur/bergunting tidak kurang dari 3 helai rambut

**Waktu bercukur atau bergunting:**

- Bermula selepas separuh malam 10 Zulhijjah bagi orang yang mengerjakan haji dan tidak ada waktu luput untuk melakukannya.




Pada malam 10 Zulhijjah

- Masuk waktu bergunting atau bercukur bagi umrah ialah selepas selesai Sa'ie umrah.

# RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

## PERHATIAN!

| | |
|---|---|
| Afdhal mencukur/menggunting rambut sendiri terlebih dahulu sebelum melakukannya untuk orang lain. | Boleh mencukur/menggunting sama ada rambut sendiri atau rambut orang lain apabila telah masuk waktunya. |
| Hujung rambut juga dikira sah untuk digunting. | Jemaah haji wanita perlu menjaga aurat ketika bergunting. |
| Bagi jemaah haji lelaki yang botak licin (tidak berambut di bahagian kepala) sunat melalukan mata pisau atau gunting di atas kepala. | Jemaah haji juga boleh bergunting di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai. |
| Afdhal bercukur/bergunting bagi yang menunaikan Haji selepas melontar 7 biji batu di Jamrah Kubra. | Sekiranya rambut tumbuh walaupun sedikit (wujud tanda kehitaman di kepala) wajib dicukur. |

**NOTA**

Bagi yang melakukan umrah terlebih dahulu (tamattu') atau haji terlebih dahulu (Ifrad), jika dia mengetahui bahawa rambutnya sempat tumbuh selepas dicukur kali pertama, sunat dicukur rambutnya untuk kedua-duanya (Haji dan Umrah).

MINGGU **04**

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

## TAHALLUL

**Tahallul ialah melepaskan diri daripada larangan ihram.**



# RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

**TAHALLUL UMRAH**

- BERGUNTING /BERCUKUR

**TAHALLUL HAJI**

- TAHALLUL AWWAL
- TAHALLUL THANI

# RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

**Tahallul Awwal terhasil apabila jemaah haji selesai mengerjakan dua (2) daripada tiga (3) perkara:**

- **Melontar di Jamrah Kubra 10 zulhijjah**



- **Tawaf rukun dan Sa'ie**



- **Bergunting atau bercukur**



**Jemaah haji yang telah Tahallul Awwal, boleh melakukan perkara-perkara yang dilarang semasa ihram kecuali tiga (3) perkara:**

- Bernikah, menikahkan atau menerima wakil nikah
- Mukadimah hubungan kelamin (persetubuhan)
- Bersetubuh

MINGGU 04

SA’IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 5: BERCUKUR/BERGUNTING

**Tahallul Thani terhasil apabila selesai mengerjakan semua amalan berikut:**

- Melontar di Jamrah Kubra 10 zulhijjah



- Tawaf rukun dan sa’ie



- Bergunting atau bercukur



**Setelah selesai Tahallul Thani terlepas dari semua larangan ihram**

# RUKUN HAJI KEENAM: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN



MINGGU 04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

## Rukun Haji hendaklah dikerjakan dengan tertib pada kebanyakan rukun:

- Didahulukan niat ihram daripada rukun-rukun yang lain, didahulukan Wuquf daripada Tawaf Ifadah, dan didahulukan Tawaf daripada Sa'ie.
- Bagi mereka yang mengerjakan Haji Ifrad dan Haji Qiran, Sa'ie haji boleh dilakukan selepas Tawaf Qudum iaitu sebelum Wuquf dan Tawaf Rukun.
- Begitu juga bercukur/bergunting boleh dilakukan selepas Wuquf apabila telah masuk waktu dan sebelum Tawaf Rukun.

# RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

## HAJI TAMATTU'

1

- Niat Ihram Haji



- Wuquf



- Bercukur/Bergunting



- Tawaf Haji



- Sa'ie Haji



MINGGU
04

SA'IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

## HAJI TAMATTU'

2

- Niat Ihram Haji 
- Wuquf 
- Tawaf Haji 
- Sa'ie Haji 
- Bercukur/Bergunting 

MINGGU
04

SA’IE, BERCUKUR ATAU BERGUNTING DAN TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

# RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

## HAJI IFRAD DAN QIRAN

3

- Niat Ihram Haji 
- (Tawaf Qudum)/Sa’ie Haji 
- Wuquf 
- Bercukur/Bergunting 
- Tawaf Haji 

TABUNG HAJI
حي على الفلاح
Tabung Haji
www.tabunghaji.gov.my
+603-6207 1919

# RUKUN HAJI 6: TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

## HAJI IFRAD DAN QIRAN

4

- Niat Ihram Haji 
- (Tawaf Qudum)/Sa'ie Haji 
- Wuquf 
- Tawaf 
- Bercukur/Bergunting 

# KESIMPULAN

1. Mengetahui apa itu sa'ie, syarat sah dan amalan sunat ketika sa'ie.
2. Mengetahui maksud bercukur dan bergunting serta tahallul.
3. Mengetahui waktu serta tatacara bercukur dan bergunting.
4. Mengetahui jenis-jenis tahallul iaitu tahallul awal dan tahallul thani.
5. Mengetahui maksud tertib pada kebanyakan rukun.

# Belajar Haji

## kini lebih mudah secara dalam talian!

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui: Download on the App Store | ANDROID APP ON Google play




TABUNG HAJI
حي على الفلاح

Tabung Haji | www.tabunghaji.gov.my | +603-6207 1919

# Belajar Haji

## kini lebih mudah secara dalam talian!

# e-Bimbingan Haji




**01**
**Pilih**
Login kali pertama?
Log masuk kali pertama?

**02**
No Pendaftaran Haji/PEKTA
No. Kad Pengenalan

**03**
**Klik**
Butang Hantar
Hantar

**04**
Selamat Datang
Email atau No Pendaftaran Haji/PEKTA
Kata Laluan

**05**
**Klik**
Butang Kemaskini
Kemaskini

**Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:**

Download on the App Store | ANDROID APP ON Google play


Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan Kemabruran
SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T
KESABARAN & KETENANGAN
SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN
Haji Yang Mabrur &
Umrah Yang Maqbul
TABUNG HAJI
Tabung Haji
www.tabunghaji.gov.my
+603-6207 1919